

26/08/2014 - Majlis Penyampaian Diploma dan Anugerah Felo INTAN 2014

Bismillahir rahmanir rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Zulkurnain Hj. Awang,
Mantan Felo INTAN;

Yang Diraikan Felo INTAN Tahun 2014,
Yang Berbahagia Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri;

Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim Seman,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff,
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN);

Yang Berbahagia Tan Sri Mahmud Adam,
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Tan Sri Shukry Salleh,
Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Mohamad,
Ketua Setiausaha Pendidikan

Yang Berbahagia Tan Sri Tan Sri, Datuk Seri- Datuk Seri dan Dato' Dato Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, dif-dif kehormat;

Para Graduan DSP dan DPA,
Ahli-ahli keluarga para graduan, dan
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan segala puji bagi Allah SWT dan melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan iradat dan inayahNya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis yang sungguh gemilang pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri atas pemilihan beliau sebagai penerima Anugerah Felo INTAN bagi tahun 2014. Anugerah Felo INTAN yang bakal disampaikan kepada beliau ini merupakan penghargaan ke atas segala sumbangan dan jasa bakti beliau, khususnya dalam meneruskan kecemerlangan perkhidmatan awam negara. YBhg. Tan Sri merupakan tokoh yang instrumental di sebalik beberapa inisiatif besar dalam usaha memantapkan pengurusan sumber manusia sektor awam.
3. Saya juga mengucapkan tinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan sekalian kerana telah menamatkan dengan jayanya kursus **Diploma Pengurusan Awam (DPA)** dan **Diploma Sains Pengurusan (DSP)** anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam. Sesungguhnya, saya percaya majlis penganugerahan pada hari ini merupakan saat yang ditunggu-tunggu oleh para graduan semua, dan detik bersejarah yang tidak mungkin dilupakan.

4. Setelah bertungkus-lumus mengikuti modul latihan dan pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu pengetahuan sepanjang berkursus, penganugerahan ini membuktikan bahawa berkat kesungguhan, kesabaran dan ketabahan saudara-saudari sekalian akhirnya membuahkan hasil yang cukup bermakna. Terima kasih juga kepada Pengarah INTAN dan juga INTAN kerana telah menggalas cabaran dan tanggungjawab untuk melatih dan membimbing para graduan dengan penuh komitmen dan dedikasi.
5. Hari ini juga merupakan hari bersejarah buat para ibu bapa, suami atau isteri para graduan kerana berkesempatan menyaksikan anak-anak atau pasangan masing-masing menerima diploma. Penganugerahan ini menandakan bahawa mereka kini telah lebih bersedia untuk melaksanakan tugas dan amanah dengan cemerlang, demi meneruskan kegemilangan pentadbiran awam negara.

DAYA SAING NEGARA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Dalam era globalisasi yang mendasari gelombang perubahan masa kini, aspek daya saing menjadi pemacu utama negara menuju kejayaan. Daya saing telah menjadi kayu pengukur prestasi dan pencapaian ke atas pelbagai dimensi pembangunan sesebuah negara.
7. Laporan ***World Bank Doing Business 2014*** daya saing Malaysia dalam *Ease of Doing Business* telah **melonjak kepada kedudukan ke-6** dari kedudukan ke-12 pada 2013. Laporan ***IMD World Competitiveness Yearbook 2014*** pula telah menunjukkan daya saing negara **meningkat kepada kedudukan ke-12** manakala World Economic Forum dalam ***The Global Competitiveness Report 2013-2014*** telah meletakkan negara pada **kedudukan ke-24**. Semua kedudukan ini merupakan penambahbaikan dan telah meningkat setiap tahun. Selain daripada itu, ekonomi Malaysia juga dilaporkan berkembang kukuh pada **6.4% bagi suku kedua tahun 2014**, yang merupakan yang tertinggi di Asia Tenggara. Ia telah melepasi paras 6% yang diunjurkan oleh Bank Negara.

8. Pencapaian ini menunjukkan negara berada di landasan yang betul ke arah merealisasikan wawasan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Namun, dalam mengharungi dunia yang penuh cabaran dan ketidaktentuan ini, Malaysia senantiasa mengambil inisiatif dan membuat perancangan bagi memastikan **wujudnya persekitaran yang menyokong kepada peningkatan daya saing**, dan **meminimumkan halangan** yang boleh menjejaskan daya saing negara di peringkat global. Dalam memastikan perkhidmatan awam negara terus gemilang di persada antarabangsa pula, kita bukan sahaja perlu memperkasakan struktur dan platform, tetapi harus menentukan arah tuju yang tepat.

MENJAYAKAN AGENDA TRANSFORMASI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dengan tempoh kurang dari enam tahun menjelang 2020, negara sudah tiba di selekoh akhir dalam perjalanannya menuju Wawasan 2020. Walaupun negara boleh berbangga dengan pelbagai kejayaan yang telah direkodkan, namun pencapaian ini tidak bermakna kita harus memperlahankan segala tindakan, terutamanya ketika cabaran masa hadapan semakin bertambah kompleks dan menuntut pendekatan penyampaian yang berbeza.
10. Bagi memastikan pencapaian aspirasi negara, saya ingin menyarankan agar pelaksanaan program dan projek perkhidmatan awam berasaskan prinsip dan landasan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy – NBOS*) iaitu **berkos rendah, berimpak tinggi** dan **pelaksanaan yang pantas** (*Low Cost, High Impact, Rapid Execution*). Dalam konteks perkhidmatan awam,
- i. Kos operasi boleh dikurangkan dengan pengaplikasian **proses perekaayaan** dan **pengurusan keajaiban**;
 - ii. Kejayaan berimpak tinggi boleh dicapai berasaskan kepada **kepemimpinan transformasional** yang memiliki misi dan visi yang jelas, serta mampu membuat perubahan; dan
 - iii. Bagi mempercepatkan penyampaian dan memastikan kepantasan dalam bertindak, perkhidmatan awam mengamalkan **penyampaian melalui kerjasama pintar**. Sebagai pengiktirafan atas kejayaan mencapai keberhasilan yang ditetapkan, **ganjaran berasaskan pencapaian juga boleh diwujudkan**.

11. Dengan garis masa yang semakin menghampiri tahun 2020, pastinya tugas yang menanti kita semakin berat dan mencabar. Namun sebagai *pacesetters* dan *change agents* dalam memacu agenda transformasi negara, tiga prinsip tersebut diharap dapat mengupayakan kita untuk mengorak langkah lebih jauh dan meredah laluan seribu liku menuju destinasi yang dicartakan.

HARAPAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pada kesempatan ini, saya ingin berkongsi dengan para graduan sekalian harapan saya terhadap penjawat awam dari kalangan generasi baharu, dan peranan yang seharusnya dilaksanakan dalam meningkatkan transformasi negara.

(i) Taat Setia dan Patriotisme

13. Kita mempunyai kewajiban untuk berkhidmat bagi melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan, dan amanah dan kewajiban ini perlu ditunaikan dengan penuh taat setia. Selaku anggota perkhidmatan awam, kita harus memegang kuat **prinsip taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kerajaan.** Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej perkhidmatan dari segi perbuatan dan percakapan.
14. Pada 31 Ogos ini, kita akan menyambut ulang tahun Kemerdekaan negara yang ke-57. “**Malaysia, Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta**” merupakan tema Hari Kemerdekaan tahun ini, dan ia sebenarnya mencitrakan rasa cinta dan kasih yang tidak terhingga dalam diri setiap rakyat Malaysia kepada tanah air, terutama setelah negara kita dilanda pelbagai insiden yang tidak diingini seperti pencerobohan di Lahad Datu, kehilangan pesawat MH370 dan tragedi pesawat MH17.
15. Insiden-insiden ini sebenarnya telah menjadikan kita lebih prihatin, empati dan memahami kepedihan yang dilalui oleh saudara-saudara kita yang terlibat dan keluarga masing-masing. Dan sesungguhnya, daripada bencana yang menimpa, kita telah bangkit semula sebagai satu bangsa yang lebih kuat, tabah dan utuh perpaduannya.

(ii) Menggilap Keupayaan “Nexgen Leaders”

16. Pada masa yang sama, pengukuhan budaya kerja perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dalam persekitaran global yang kian kompetitif merupakan satu kemestian jika kita mahu meletakkan Malaysia di persada kemajuan ekonomi. Sesungguhnya, inilah harapan saya kepada saudara-saudari sekalian, untuk **kekal dan sentiasa meningkatkan kebolehan diri sebagai aset kepada Kerajaan dan bakat terbaik perkhidmatan awam.** Semestinya, kualiti perkhidmatan awam hari ini dan masa hadapan sebenarnya ditentukan oleh kualiti bakat kepimpinan masa hadapan yang ada di dalamnya.

(iii) **Mengungguli Prestasi**

17. Majalah Fortune keluaran 2013 telah menyenaraikan tokoh-tokoh muda yang mencipta nama di arena antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti industri, perniagaan, teknologi maklumat dan pengurusan. Mereka ini kebanyakannya di bawah umur 40 tahun, seperti Marissa Mayer, Presiden dan CEO Yahoo; Mark Zuckerberg, Pengasas dan CEO Facebook; dan Kevin Systrom, Pengasas dan CEO Instagram. Apakah rahsia di sebalik kejayaan mereka?
18. Sebenarnya, tokoh-tokoh muda ini **diinspirasikan oleh visi tertentu** dan kemudian **berusaha sepenuh hati untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.** Selepas berhasil meraih sesuatu matlamat, mereka kemudian **berusaha melonjak lebih tinggi melepasi palang prestasi** untuk mencipta kejayaan yang lebih besar.
19. Justeru, pentadbir muda seperti saudara dan saudari harus meneladani kegigihan dan komitmen mereka dalam memburu matlamat menerusi peningkatan kebolehan secara berterusan. Ini selaras dengan saranan The Boston Consulting Group iaitu usaha untuk mengukuh kapabiliti warga kerja sangat penting sebagai “*a game-changing transformation*” ke arah pembentukan *The Enabled Enterprise*.
20. Meskipun saranan ini ditujukan kepada organisasi swasta, namun pada hemat saya ia juga relevan kepada agensi awam kerana **The Enabled Enterprise** merujuk kepada **organisasi yang berupaya untuk membuat lonjakan prestasi dan kemampuan ke tahap paling tinggi.** Pentadbir muda perlulah melalui “*enablement programme*” bagi menguasai kemahiran baru dan baru muncul (*emerging*) dalam kepimpinan, kepengurusan, teknokrasi dan *public engagement*, ke arah mengoptimumkan prestasi dan pencapaian mereka bagi memenuhi *The Enabled Enterprise* tersebut.

21. Nasihat saya, dalam meniti perjalanan sebagai penjawat awam, sokongan keluarga adalah penting untuk saudara- saudari memberi perkhidmatan yang terbaik. Adalah digalakkan juga penyertaan dan penglibatan dalam persatuan yang menyumbang bakti kepada masyarakat. Sebagai contoh pegawai wanita dan isteri pegawai lelaki boleh bergiat aktif dengan aktiviti yang dianjurkan oleh Puspanita Kebangsaan dan Kementerian.

PENGHORMATAN KEPADA FELO INTAN 2014

Para hadirin yang dihormati sekalian,

22. Dalam majlis pada hari ini, kita merasa amat bangga kerana dapat memberi penghormatan kepada seorang tokoh perkhidmatan awam yang terkenal dan dihormati. Tokoh Felo INTAN pada tahun ini, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, sememangnya telah banyak memberi sumbangan dan khidmat bakti kepada negara. Kepimpinan dan perkhidmatan beliau telah memartabatkan perkhidmatan awam ke satu tahap yang membanggakan dan dihormati.
23. Sekali lagi, saya bagi pihak seluruh anggota perkhidmatan awam merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri di atas penganugerahan Felo INTAN bagi tahun 2014. Semoga YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri dan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat kesejahteraan dan kebijaksanaan yang berterusan dari Allah S.W.T.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

24. Satu perjalanan karier yang panjang terhampar dan penuh berliku telah bermula buat diri saudara dan saudari. Saudara dan saudari semua adalah pentadbir dan pemimpin muda yang diharapkan memberi khidmat bakti setulus dan sepenuh hati kepada rakyat. Sesungguhnya rakyat mengharapkan perkhidmatan yang cekap, prihatin dan saksama daripada saudara dan saudari semua.
25. Jangan dilupa slogan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” kerana kita merupakan sebahagian daripada 1.5 juta penjawat awam yang berkhidmat untuk rakyat. Dengan jumlah yang sebegitu, lebih kurang 10 juta rakyat Malaysia mempunyai perhubungan secara langsung dengan penjawat awam. Dengan ini, kita

bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, yang juga merupakan ahli keluarga kita.

26. Semoga Allah SWT merestui niat murni dan memberkati segala usaha kita dalam mengharungi segala cabaran demi merealisasikan Agenda Transformasi Kerajaan serta membawa negara menuju ke gerbang kemajuan.

Sekian, *wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*